From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 26 January, 2022 12:27:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kerjasama UUM-IYRES Fokus Pembangunan Ekonomi Belia

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 JANUARI 2022 / 23 JAMADILAKHIR 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KERJASAMA UUM-IYRES FOKUS PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA






UUM
IYRES
INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH
ILMU • AMAL • IMPAK


UUM
IYRES
INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH
ILMU • AMAL • IMPAK


BALAI TAMU
Universiti Utara Malaysia
VISITORS' LOUNGE
BUDI
BAKTI


BALAI TAMU
ILMU
BUDI
BAKTI


BALAI TAMU
VISITORS' LOUNGE
BUDI

UUM ONLINE: Demi membantu pembangunan ekonomi golongan belia negara ini, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) di Balai Tamu, semalam.

Memorandum tersebut telah ditandatangani Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, manakala IYRES oleh Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Dr. Muhammad Mahadi Mohamad.

Prof. Dr. Haim Hilman berkata, kerjasama strategik antara UUM dengan IYRES itu akan mengangkat golongan belia ke peringkat lebih tinggi menerusi hasil kajian yang dijalankan secara bersama.

Menurutnya, inisiatif itu juga adalah langkah UUM dan IYRES untuk saling melengkapi dan memperbaiki isu-isu berkaitan golongan belia.

Katanya, UUM sedia bekerjasama dengan IYRES untuk menjalankan penyelidikan tentang belia yang mana hasil kajian tersebut akan disampaikan ke agensi terlibat untuk langkah seterusnya.

“MoU ini juga adalah permulaan kepada untuk langkah-langkah hebat khususnya dalam pembangunan ekonomi belia demi masa depan anak-anak muda tanpa mengira bangsa dan agama.

“Saya dan seluruh warga universiti berazam akan memberi impak kepada negara dan mendekati belia bukan sahaja untuk mendidik mereka dalam aspek akademik malahan lebih jauh dari itu,” katanya.

Tambahnya, beliau berharap kerjasama UUM menerusi Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) akan menjadikan agenda itu dapat direalisasikan, seterusnya membuahkan hasil terbaik kepada semua.

Sementara itu, Dr. Muhammad Mahadi berkata, beliau berharap kolaborasi dengan UUM dapat diperkukuhkan lagi demi kelangsungan generasi baru khususnya kalangan belia yang lebih baik.

Menurutnya, pihaknya akan menggunakan peluang untuk memberi 100 peratus komitmen kepada kerjasama strategik bersama UUM yang mana agenda difokuskan adalah berkaitan ekonomi belia.

Katanya, hasil kajian yang dilakukan kelak tidak akan menjadi pameran di rak tetapi akan menjadi garis panduan dan rujukan agar dapat dijadikan sebagai satu polisi pada masa hadapan.

Justeru, beliau sangat menyokong inisiatif yang akan dilakukan IYRES dan juga UUM demi pembangunan golongan belia di negara ini.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.